

SATU LAGI MENDAPAN MUNCUL

**Kira-kira 50 meter
dari lokasi mangsa tertimbus
di Jalan Masjid India**

Oleh **TUAN NURHIDAYAH TUAN AB. GHANI**

KUALA LUMPUR – Satu lagi mendapan tanah dikesan di Jalan Masjid India semalam, kira-kira 50 meter dari lokasi kejadian tanah jerlus yang menyebabkan seorang wanita pelancong India tertimbus pada Jumaat lalu.

» BERSAMBUNG DI MUKA 4

Satu lagi mendapan muncul

DARI MUKA 3

Mendapan baharu sebesar 0.6 meter itu berlaku, kira-kira pukul 2.30 pagi susulan hujan lebat dan ribut malam kelmarin.

Kejadian itu sekali gus menggempar orang ramai dan menimbulkan kebimbangan mereka mengenai tahap keselamatan di kawasan tersebut.

Tinjauan Kosmo! di lokasi itu mendapati, kawasan mendapan baharu itu telah ditutup sepenuhnya oleh pasukan keselamatan menggunakan 'road barrier' dan garisan kuning.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd. Sharif berkata, kawasan kejadian telah ditutup bagi menjamin keselamatan orang awam dan keadaan itu akan terus dipantau.

Katanya, tindakan segera juga telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan penglibatan pihak Indah Water Konsortium (IWK) yang kini memeriksa paip kumbahan di lokasi tersebut serta di kawasan sekitarnya bagi memastikan tiada kerosakan lanjut.



KEJADIAN mendapan tanah baharu dikesan berlaku berdekatan Pondok Polis Masjid India, Kuala Lumpur semalam.

"Kami akan terus bekerjasama erat dengan Indah Water Konsortium serta agensi-agensi lain untuk memastikan tindakan susulan yang berterusan dan menyeluruh dilaksanakan untuk mencegah kejadian serupa daripada berlaku di masa hadapan.

"Keselamatan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur adalah keutamaan kami," katanya.

Sementara itu, laluan sepanjang 200 hingga 300 meter di Jalan Masjid India telah ditutup bagi semua kenderaan dan juga orang ramai ekoran kejadian ter-

baharu itu.

Petugas keselamatan dilihat meletakkan garisan kuning di sepanjang laluan tersebut.

Jumaat lalu, seorang pelancong India, Vijayaletchumy, 48, tertimbus di dalam lubang sedalam kira-kira lapan meter di



ORANG ramai dilarang memasuki kawasan di Jalan Masjid India selepas satu lagi lubang terbentuk semalam.

Jalan Masjid India.

Kejadian kira-kira pukul 8 pagi itu berlaku ketika mangsa berjalan bersama ahli keluarganya di hadapan Malayan Mansion, Jalan Masjid India sebelum laluan pejalan kaki yang diipaknya runtuh secara tiba-tiba.